

Headline **Hati sayu raya sendirian**  
Date **03. Oct 2008**  
Media Title **Harian Metro**  
Section **Setempat**  
Circulation **336603**  
Readership **2192000**

Language **MALAY**  
Page No **25**  
Article Size **239** cm2  
Frequency **Daily**  
Color **Full Color**  
AdValue **3076.21**



# Hati sayu raya sendirian

Sembilan tahun di perantauan selepas peluk Islam

>>Oleh **Mohd Fauzi Abdullah**  
fauzie@timetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Dalam kesibukan umat Islam menyambut Aidilfitri bersama keluarga tersayang setiap kali 1 Syawal menjelma, lain pula bagi saudara baru, Joannes Lukas atau nama Islamnya, Muhammad Johan Nur Saifullah Lukas Abdullah, 29, apabila terpaksa menyambut sendirian di perantauan.

Dia yang lebih mesra dipanggil Johan berkata, keputusan beraya di perantauan dibuat bagi menjaga hati keluarganya yang masih menganut agama lama iaitu Kristian.

"Selama kira-kira sembilan tahun memeluk Islam saya tidak pernah menyambut Aidilfitri bersama keluarga di kampung halaman," katanya berasal dari Tawau, Sabah.

Katanya, setiap kali tiba Ramadan dan Aidilfitri, dia akan meyambutnya bersama rakan-rakan yang banyak membimbingnya mengenali Islam secara lebih dekat di Semenanjung.

"Saya bersyukur kerana mereka banyak membantu dalam mempelajari ilmu mengenai Islam," katanya yang kini menetap di Cheras, di sini.

Katanya, pengalaman pertamanya berpuasa tidak terlalu memeritkan kerana sudah biasa melakukan amalan



**JOHAN...terpaksa**

berkenaan ketika di sekolah rendah dulu.

"Masa di sekolah rendah saya bergaul dengan rakan-rakan beragama Islam dan sekali-sekala terikut dengan amalan mereka yang berpuasa tapi saya cuma lakukan separuh hari saja," katanya.

Katanya, lama-kelamaan dia menjadi biasa dengan amalan itu sehinggalah memeluk Islam dan merasai sendiri nikmat berpuasa dengan sebetulnya.

Menceritakan pengalamannya menyambut Aidilfitri kali pertama, Johan berkata, dia mengikut rakan-rakan pulang berhari raya di kampung halaman mereka.

"Saya masih ingat ketika itu ikut rakan balik kampung di Perak.

"Betapa indahnya saya rasa ketika itu dengan sanak-sau-

dara mereka yang ramai seolah-olah ada satu ikatan kuat sesama mereka," katanya.

Namun, jauh di sudut hati setiap kali mendengar takbir pada malam menjelang Aidilfitri, dia menangis sepuas-puasnya kerana menenangkan keluarga terutama ibunya.

"Hanya Allah saja tahu perasaan ketika itu betapa rindu dan kasihnya saya kepada mereka semua. Niat di hati memang ingin bersama mereka tapi apakan daya," katanya kini bertugas sebagai konsultan di syarikat swasta di Shah Alam, Selangor.

Menurutnya, kini dia sudah biasa menyambut hari raya bersama rakan-rakan di ibu kota.

"Biasanya setiap kali Ramadan dan Aidilfitri saya akan ke majlis seperti berbuka puasa, rumah terbuka dan sebagainya kerana cara itu lebih meriah," katanya.

Mengimbau kembali detik dia memeluk Islam, Johan 'terasa' ingin mendalami agama suci itu ketika masih menuntut di Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui beberapa kajian yang dibuatnya.

Katanya, ketika menuntut di UPM, dia banyak membuat perbezaan mengenai Islam dan agama dianutnya sehingga rakan sebilang yang beragama Islam bertanya adakah dia yakin dengan agama dianuti ketika itu.